



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Membaharui Undang – Undang (Penghapusan Samsu Gelap)
(Pindaan) 1981**

DR.16/1981

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1981. Tajuk ringkas.

2. (1) Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 16 seksyen baru 16A yang berikut: Pindaan. Akta 165.

“Jaminan tidak boleh diberi berkenaan dengan kesalahan-kesalahan tertentu.

16A. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain atau mana-mana kaedah undang-undang yang berlawanan, jaminan tidak boleh diberi kepada orang tertuduh yang dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini—

- (a) jika kesalahan yang dilakukan itu boleh dikenakan hukum penjara selama lebih daripada lima tahun; atau
- (b) jika kesalahan yang dilakukan itu boleh dikenakan hukum penjara selama lima tahun atau kurang dan Pendakwa Raya memperakui secara bertulis bahawa bukanlah bagi kepentingan awam untuk memberi jaminan kepada orang tertuduh itu.”

(2) Pindaan ini hendaklah dipakai bagi semua orang yang dipertuduh dalam mahkamah selepas mula berkuatkuasanya Akta ini atau yang, tidak kira bila mereka itu dipertuduh dalam mahkamah, sedang menunggu pembicaraan selepas mula berkuatkuasanya Akta ini.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan menjadikan suatu kesalahan tak boleh jamin terhadap perbuatan mengilangkan atau memperdagangkan samsu yang mengandungi bahan berbahaya di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 dan juga memperuntukkan bahawa jaminan janganlah diberi kepada orang-orang yang dipertuduh melakukan kesalahan-kesalahan lain di bawah Akta itu yang diperakukan oleh Pendakwa Raya sebagai bukannya bagi kepentingan awam yang mereka itu patut dilepaskan dengan jaminan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (Terj.) 206.]